

Elaun rumah: PM sedia berunding

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan beliau bersedia untuk berunding dengan Ceupacs bagi menyelesaikan tuntutan mereka berhubung dengan bayaran elaun perumahan kakitangan kerajaan.

"Saya bukan lagi asing dengan Ceupacs kerana sebelum ini pun telah beberapa kali berunding dengan mereka bagi menyelesaikan beberapa masalah mereka," jelasnya kepada pemberita selepas merasmikan kursus agama anjuran

Oleh NAZRI ABDULLAH

UMNO di Ibupejabat UMNO di sini hari ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri enggan menjawab apabila ditanya sama ada kerajaan akan memenuhi tuntutan Ceupacs sebaliknya menjelaskan:

Merayu

"Keadaan ekonomi negara sekarang ini tidaklah sebaik dari apa yang sepatutnya tambahan pula keadaan pasaran antarabangsa agak mencemaskan."

K a t a n y a, menyelesaikan tuntutan kesatuan sekerjalah yang paling sukit sekali

kerana mereka tidak pernah puas selagi kerajaan tidak melayani kesemua tuntutan itu.

Sebanyak 60 buah kesatuan sekerja yang bergabung dengan Ceupacs telah menghantar memorandum kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan surat rayuan kepada Perdana Menteri meminta kerajaan membayar elaun perumahan bagi kakitangannya.

Tuntutan itu melibatkan kira-kira setengah juta kakitangan kerajaan yang bergabung dengan Ceupacs.

Ceupacs memberi tempoh tiga minggu kepada kerajaan untuk menyelesaikan tuntutan mereka kalau tidak mereka akan mengadakan rapat-rapat umum dan berpiket.

Menurut Perdana Menteri, tuntutan itu juga boleh diselesaikan melalui perundingan dengan JPA.

Bagaimanapun beliau menambah, "Saya bersedia berunding dengan mereka pada bila-bila masa."

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan setakat ini kakitangan kerajaan peringkat bawahan sudahpun mendapat ganjaran yang istimewa dari kerajaan.

"Bandingkan saja kakitangan bawahan kerajaan dengan swasta siapa yang banyak mendapat ganjaran dan faedah kalau tidak kakitangan kerajaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia